

## DW 3 PEMANTAPAN STRATEGI PEMASARAN DAN PROMOSI

Cadangan inisiatif pemantapan strategi pemasaran dan promosi melibatkan dua (2) tindakan strategik bagi mencapai perancangan Desa Wawasan. Perincian tindakan dan program adalah sebagaimana berikut:

### DW 3.1: Menggalakkan Pemasaran dan Promosi Pelancongan Yang Interaktif Secara Digital

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

Menggalakkan penggunaan medium digital sebagai platform pemasaran dan promosi produk pelancongan desa dalam kalangan pemilik dan operator produk seperti laman web, blog, SEO, media sosial (Facebook & Instagram) dan lain-lain. Alat promosi digital bukan sahaja menjimatkan kos tetapi juga dapat menyebarkan maklumat dengan cepat.

##### Komponen Cadangan:

- Cadangan maklumat haruslah lengkap dengan maklumat destinasi, pakej, jaringan pengangkutan, tempahan pakej, 'online payment' dan lain-lain.
- Komponen medium promosi yang perlu dikemas kini secara digital dan interaktif adalah:
- Brosur pelancongan beserta QR-Code
- Aplikasi telefon pintar
- Portal pelancongan dalam laman sesawang PBT
- Kiosk informasi pelancongan
- Media cetak dan media

##### Kaedah Pelaksanaan:

Penggunaan medium digital sebagai platform pemasaran dan promosi produk pelancongan desa.

#### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan semua destinasi pelancongan desa

#### AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tourism Johor</li> <li>• Tourism Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PBT</li> <li>• JPKK</li> <li>• Jurureka Brosur / Laman Sesawang</li> </ul>

#### ANGGARAN KOS

- Anggaran kos pemasangan *billboard* = RM 500,000 bagi setiap daerah dengan jumlah kos RM 2,000,000.
- Anggaran kos pemasaran *e-digital* = RM 100,000 bagi setiap daerah dengan jumlah kos RM 400,000.

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 2,400,000.**

#### FASA PELAKSANAAN



Rajah 4.34: Model Pengurusan Pemasaran Interaktif dan Berinformatif



Foto: Contoh Muka depan dan belakang brosur yang interaktif dan informatif

Rajah 4.35: Lima (5) Aspek Penting Dalam Web Pelancongan



Foto: Perhubungan (Linkages) antara Laman Sesawang, Aplikasi Telefon dan Kiosk Pelancongan

Rajah 4.36: Model Cadangan Pembentukan Brosur Pelancongan Desa Yang Informatif Dan Interaktif

<p><b>MUKA DEPAN DAN BELAKANG</b> Rekabentuk muka depan yang menarik dan pemilihan gambar yang bersesuaian dengan tema bagi setiap Koridor dan Trail Desa Johor</p>	<p><b>AKTIVITI &amp; PAKEJ</b> Penawaran aktiviti dan pakej-pakej yang pelbagai dan menarik, harga yang dikenakan, tempoh masa, penerangan ringkas berkenaan pakej, kemudahan yang termasuk dalam pakej.</p>	<p><b>FUN MAP</b> Bertujuan untuk memudahkan pergerakan pelancong ke tempat-tempat tarikan di dalam kawasan desa di Johor</p>
<p><b>PRODUK PELANCONGAN DESA KOTA TINGGI</b></p>  <p>Pantai Desaru merupakan kawasan tarikan pelancongan yang menarik di Kota Tinggi berikutan pantainya yang bersih dengan pasir putih terbentang luas sepanjang 25 kilometer.</p>	<p><b>Rancang Perjalanan anda</b> Penawaran aktiviti dan pakej-pakej yang pelbagai dan menarik untuk tarikan pelancongan.</p> 	<p><b>LOKASI KAWASAN TARIKAN &amp; KEMUDAHAN AWAM</b> Lokasi, cara untuk ke kawasan tarikan, kemudahan pengangkutan, harga tambang dan frekuensi, nombor telefon dan maklumat berkenaan kemudahan- kemudahan lain yang penting seperti kemudahan kesihatan, keselamatan</p>
<p><b>MAKLUMAT KAWASAN TARIKAN</b> Maklumat dari segi penerangan ringkas kawasan tarikan, bayaran masuk (jika ada), masa operasi, kemudahan yang disediakan (kedai cenderahati, surau, tandas) dan aktiviti yang ditawarkan</p>	<p><b>PENGINAPAN</b> Maklumat bagi kemudahan penginapan yang terdapat di dalam trail dan koridor Pelancongan Desa Johor termasuklah alamat, nombor telefon, harga, lokasi, kemudahan yang disediakan</p>	<p><b>Kemudahan Penginapan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>RM200 /Night</b> Amansari Hotel Di kawasan Taman Desaru Utama</li> <li><b>RM250 /Night</b> Tg Sepang Resort Di kawasan Tanjung Penyusup</li> </ul>